



Nota : Penjodoh Bilangan

Penjodoh bilangan	Contoh
Buah/sebuah = untuk benda besar, lengkap dan tidak mempunyai bentuk.	Kenderaan, kereta, kampung, rumah, buku, komputer
Helai/sehelai = untuk benda yang nipis, lembut dan lebar.	Tisu, kain, kertas, daun, rambut, tuala
Batang/sebatang = benda yang lurus, panjang, keras.	Penyapu, sungai, pensel, gigi, tiang, lilin, pembaris
Keping = benda yang rata, nipis dan lebar	Roti, papan, syiling, biskut, poskad
Ekor/seekor = untuk binatang sahaja.	Burung, harimau, kucing
Orang/seorang = untuk manusia sahaja.	Budak, guru, anak, polis
Biji/sebiji = untuk buah-buahan, benda bulat atau kecil.	Tembikai, guli, cawan, bola
Pasang/sepasang = mempunyai bilangan 2 atau berpasangan.	Kasut, mata, pengantin, baju melayu

Seret jawapan penjodoh bilangan yang betul berdasarkan gambar yang di beri.

buah ekor	helai orang	batang biji	keping pasang
1  se _____ kasut	2  tiga _____ bola		
3  se _____ biskut	4  se _____ pensel		
5  se _____ doktor	6  dua _____ rumah		
7  se _____ tuala	8  se _____ harimau		

Tulis penjodoh bilangan yang sesuai berdasarkan petikan ayat.

1. Upin membela _____ burung kakak tua berwarna putih.
2. Ayah Fizi membeli _____ kereta baharu.
3. Mail membeli enam _____ telur dari kedai runcit.
4. Kakak mengelap meja menggunakan _____ kain buruk.
5. Sarapan pagi Ejen Ali ialah _____ roti canai.
6. Gopal menggunakan _____ penyapu untuk menghalau monyet liar.
7. Upin dan Ipin tinggal di _____ kampung yang dikenali sebagai Kampung Durian Runtuh.
8. Raju memberikan tiga _____ gula-gula kepada kawan-kawannya.
9. Didi membeli dua _____ pencil di kedai buku sekolahnya.
10. Mail menggunakan _____ monyet untuk mengambil buah kelapa di kebun Tok Dalang.
11. Omar dan Hana menulis _____ kad ucapan untuk ibu sempena hari lahir ibu.

